



INTERNATIONAL JOURNAL
OF LAW, GOVERNMENT
AND COMMUNICATION
(IJLGC)

www.gaexcellence.com/ijlgc



**PENILAIAN ADAT PERKAHWINAN MASYARAKAT
SULUK DI LAHAD DATU, SABAH DARI PERSPEKTIF
ISLAM**

*CUSTOMARY MARRIAGE ASSESSMENT OF THE SULUK COMMUNITY IN
LAHAD DATU, SABAH FROM AN ISLAMIC PERSPECTIVE*

Nurul Atiqah Azman¹, Saifulazry Mokhtar^{2*}, Sarip Adul³, Earnie Elmie Hilmi⁴

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia



nurul_atiqah_mu21@iluv.ums.edu.my



<https://orcid.org/0009-0009-4843-3335>

² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia



saifulazry.mokhtar@ums.edu.my



<https://orcid.org/0000-0002-9647-8660>

³ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia



sarip@ums.edu.my



<https://orcid.org/0009-0008-8517-4160>

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia



earnie@ums.edu.my



<https://orcid.org/0000-0001-6276-037X>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 02.12.2025

Revised date: 23.12.2025

Accepted date: 16.03.2026

Published date: 30.03.2026

Abstrak:

Adat merupakan sistem amalan dan peraturan sosial yang diwarisi secara turun-temurun serta berfungsi sebagai asas pembentukan identiti dan struktur sosial sesebuah masyarakat. Di Malaysia, adat berperanan penting sebagai warisan kebudayaan yang membentuk norma, nilai dan cara hidup komuniti, termasuk dalam institusi perkahwinan. Makalah ini membincangkan konsep adat dari perspektif antropologi dan budaya dengan penekanan terhadap adat perkahwinan sebagai manifestasi nilai sosial, simbolik dan estetika masyarakat. Kajian ini memfokuskan kepada adat perkahwinan etnik Suluk di Sabah, khususnya di daerah Lahad Datu, yang masih mengekalkan fasa-fasa tradisional seperti

To cite this document:

Azman, N. A., Mokhtar, S., Adul, S., & Hilmie, E. E. (2026). Penilaian Adat Perkahwinan Masyarakat Suluk Di Lahad Datu, Sabah Dari Perspektif Islam. *International Journal of Law, Government and Communication*, 11(43), 473-494.

merisik, meminang, penyampaian hantaran dan majlis perkahwinan. Metodologi kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur bersama informan utama serta pemerhatian turut serta dalam pelaksanaan upacara perkahwinan bagi memperoleh data yang mendalam dan kontekstual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa setiap fasa adat perkahwinan Suluk membawa makna simbolik yang mencerminkan hubungan kekeluargaan, struktur sosial dan identiti budaya masyarakat tersebut. Walaupun terdapat beberapa elemen adat yang berpotensi bercanggah dengan prinsip agama moden, amalan ini masih terus dikekalkan sebagai lambang warisan budaya, kesinambungan tradisi dan pengukuhan identiti sosio-budaya dalam kalangan generasi masa kini.

DOI: 10.35631/IJLGC.1143031

Kata Kunci:

Adat Perkahwinan, Lahad Datu, Perspektif Islam, Sabah, Suluk

Abstract:

Adat refers to a system of practices and social regulations inherited from generation to generation and functions as a foundation for the formation of identity and social structure within a community. In Malaysia, adat plays a significant role as a form of cultural heritage that shapes community norms, values, and ways of life, including within the institution of marriage. This paper discusses the concept of adat from anthropological and cultural perspectives, with particular emphasis on marriage customs as manifestations of social, symbolic, and aesthetic values. The study focuses on the marriage customs of the Suluk ethnic group in Sabah, specifically in the Lahad Datu district, where traditional phases such as courtship inquiry (merisik), formal proposal (meminang), exchange of marriage gifts, and the wedding ceremony are still practiced. The research adopts a qualitative methodology employing semi-structured interviews with key informants and participant observation during wedding rituals to obtain in-depth and contextual data. The findings indicate that each phase of the Suluk marriage customs carries symbolic meanings that reflect kinship relations, social structure, and the cultural identity of the community. Although certain elements of these customs may potentially conflict with modern religious principles, the practices continue to be preserved as symbols of cultural heritage, the continuity of tradition, and the strengthening of socio-cultural identity among contemporary generations.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijlgc@gaexcellence.com

Keyword:

Islamic Perspective, Lahad Datu, Marriage Customs, Sabah, Suluk

Pendahuluan

Adat merujuk kepada amalan, peraturan, norma dan cara hidup yang telah diamalkan secara turun-temurun dalam sesuatu masyarakat sejak dahulu sehingga menjadi tradisi yang dipatuhi oleh ahli masyarakat tersebut. Menurut Mokhtar et al., (2021) adat juga merupakan satu norma, akta, peraturan atau undang-undang yang tidak bertulis dengan berorientasikan kepada tingkah laku dan amalan masyarakat terdahulu. Secara etimologi, istilah *adat* berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud kebiasaan atau cara hidup harian yang telah terkodifikasi dalam bentuk tingkah laku sosial dan perlakuan budaya (Jabatan Warisan Negara, 2025). Dalam konteks antropologi dan kajian budaya, *adat* bukan sekadar kebiasaan semata-mata, bahkan ia juga mencakupi sistem peraturan sosial yang mengatur kehidupan individu dalam pelbagai aspek seperti perhubungan keluarga, sistem pewarisan, hubungan sosial, serta upacara ritus kehidupan seperti kelahiran, perkahwinan dan kematian (Peletz, 1988 dalam Warren, 2002).

Di Malaysia, *adat* sering dipandang sebagai elemen warisan kebudayaan yang menjadi asas kepada identiti sesebuah komuniti. Ia wujud dalam bentuk peraturan tidak bertulis yang diturunkan secara lisan dan melalui amalan berulang, sekaligus membentuk struktur sosial dan simbolik sesuatu masyarakat (Jabatan Warisan Negara, 2025). Adat juga diperkukuhkan oleh pepatah Melayu yang terkenal, “*Biar mati anak, jangan mati adat,*” yang menggambarkan betapa tinggi nilai adat dalam sesebuah masyarakat kerana ia dianggap sebagai asas kepada norma dan moral budaya setempat (Kling, 1985; Rosila Bee, 2012). Salah satu bentuk adat yang masih lagi dipraktikkan oleh sebahagian etnik di Malaysia adalah *adat perkahwinan*. Adat perkahwinan merupakan satu siri upacara budaya yang melibatkan pelbagai fasa seperti merisik, meminang, pertukaran hantaran dan penyampaian restu daripada kedua-dua belah pihak keluarga. Upacara ini bukan sahaja mencerminkan struktur sosial dan hubungan kekeluargaan, tetapi juga memperlihatkan nilai estetika dalam pakaian tradisi, simbolik pemberian makanan, serta hiburan yang dipersembahkan semasa majlis berlangsung (Jabatan Warisan Negara, 2025).

Dalam konteks masyarakat Suluk di Sabah, adat perkahwinan tetap dikekalkan sebagai sebahagian daripada identiti budaya mereka. Kajian menunjukkan bahawa *etnik Suluk* di daerah Kudat dan Lahad Datu masih lagi mengekalkan tradisi perkahwinan yang mempunyai fasa dan nilai tersendiri sebagai warisan nenek moyang. Struktur upacara ini meliputi langkah-langkah awal seperti merisik (*pag-pasihil*), meminang (*pag-pangasawa*), penyampaian hantaran (*pag-turul taima*) dan majlis perkahwinan itu sendiri (*pag-tia'un*), yang mana setiap fasa membawa maksud simbolik dan sosial yang mendalam (Abang Yusuf Puteh, 2008; Melina Attip, 2024). Selain itu, kajian kualitatif oleh Ramlie et al., (2022) mendapati bahawa adat perkahwinan etnik Suluk di Kudat mempunyai elemen unik yang mencerminkan kepelbagaian budaya masyarakat Sabah dan terus diwariskan kepada generasi moden sebagai simbol kekitaan dan identiti mereka (Ramlie et al., 2022). Walaupun sesetengah elemen adat Suluk mungkin bercanggah dengan prinsip agama Islam (contohnya kepercayaan berkaitan tarikh tertentu), kajian akademik menyatakan bahawa amalan ini masih terus dipraktikkan sebagai simbol warisan budaya yang dihormati dan dikekalkan demi memastikan kesinambungan tradisi serta pengukuhan identiti sosio-budaya dalam kalangan generasi masa kini (Azman et al., 2024).

Kajian Literatur

Kajian terhadap adat perkahwinan dalam masyarakat Islam sering dilihat sebagai satu usaha penting untuk menilai hubungan antara amalan budaya tradisional dengan prinsip-prinsip syariat Islam. Adat perkahwinan bukan sekadar satu upacara sosial, malah ia mencerminkan sistem nilai, kepercayaan dan struktur sosial sesebuah masyarakat. Dalam konteks masyarakat Islam, adat diterima sebagai sebahagian daripada kehidupan selagi mana ia tidak bercanggah dengan akidah, syariah dan akhlak Islam. Prinsip ini sejajar dengan kaedah fiqh yang menyatakan bahawa adat boleh diterima sebagai sumber hukum sekiranya tidak bertentangan dengan nas al-Quran dan al-Sunnah (Ismail, 2013).

Masyarakat Suluk merupakan salah satu etnik utama di Sabah yang memiliki identiti budaya yang kuat, khususnya dalam amalan adat perkahwinan. Sejarah masyarakat Suluk yang berasal dari Kepulauan Sulu memperlihatkan bagaimana adat perkahwinan mereka berkembang hasil pengaruh budaya tempatan, tradisi nenek moyang serta proses Islamisasi yang berlaku secara berperingkat. Menurut Kee Mohd Yussof dan Amat (2012), adat perkahwinan Suluk bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme penyatuan dua individu, malah menjadi medium pengukuhan hubungan kekeluargaan dan solidariti komuniti. Upacara-upacara seperti merisik, meminang, penentuan hantaran dan majlis perkahwinan dilaksanakan mengikut aturan adat yang diwarisi secara turun-temurun.

Kajian etnografi oleh Ramlie et al. (2022) mendapati bahawa adat perkahwinan masyarakat Suluk masih diamalkan secara meluas di beberapa daerah di Sabah, termasuk Kudat dan Lahad Datu. Amalan ini merangkumi pelbagai fasa yang mempunyai makna simbolik tersendiri, seperti pemberian hantaran (*pag-turul taima'*) yang melambangkan kemampuan dan tanggungjawab pihak lelaki, serta penglibatan keluarga besar yang mencerminkan nilai kolektivisme dalam masyarakat Suluk. Kajian ini menegaskan bahawa adat perkahwinan berperanan penting dalam mengekalkan identiti etnik Suluk dalam arus pemodenan. Walau bagaimanapun, beberapa kajian menunjukkan bahawa tidak semua elemen adat perkahwinan masyarakat Suluk selaras sepenuhnya dengan ajaran Islam. Azman et al. (2024) dalam kajian mereka di Lahad Datu mendapati wujud beberapa amalan pra-perkahwinan yang berpotensi bercanggah dengan prinsip Islam, antaranya kepercayaan terhadap pemilihan tarikh tertentu bagi mengelakkan nasib buruk, khususnya berkaitan bulan Safar. Kepercayaan sedemikian dianggap bertentangan dengan konsep tauhid kerana ia mengaitkan nasib dan bala dengan masa tertentu, sedangkan Islam menegaskan bahawa segala ketentuan adalah di bawah kekuasaan Allah SWT.

Selain itu, kajian oleh Azman (2025) turut menekankan bahawa sesetengah bentuk hiburan dan upacara adat dalam majlis perkahwinan masyarakat Suluk perlu dinilai secara kritikal dari sudut syariah. Elemen seperti hiburan yang melampau, pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, serta upacara ritual yang mempunyai unsur kepercayaan lama dikategorikan sebagai amalan yang perlu ditinggalkan atau diubah suai. Walau bagaimanapun, kajian tersebut juga mengakui bahawa banyak elemen adat Suluk sebenarnya tidak bercanggah dengan Islam dan boleh dikekalkan sebagai warisan budaya, selagi mana ia tidak menjejaskan akidah dan hukum syarak. Dapatan ini selari dengan kajian terhadap etnik lain di Sabah, seperti masyarakat Bajau, yang menunjukkan bahawa proses penilaian adat perkahwinan dari perspektif Islam perlu dilakukan secara selektif dan berhikmah. Pullong et al. (2022) menegaskan bahawa pendekatan Islam tidak menolak adat secara keseluruhan, sebaliknya menapis dan

memperbetulkan amalan yang bercanggah dengan syariat, sambil mengekalkan adat yang membawa nilai positif seperti kerjasama, penghormatan kepada keluarga dan kesederhanaan.

Secara keseluruhannya, kajian literatur menunjukkan bahawa adat perkahwinan masyarakat Suluk di Lahad Datu mempunyai nilai budaya dan sosial yang tinggi, namun memerlukan penilaian berterusan dari perspektif Islam. Penilaian ini penting bagi memastikan adat yang diamalkan tidak bercanggah dengan prinsip tauhid dan syariah, di samping mengekalkan identiti budaya masyarakat Suluk sebagai sebahagian daripada warisan etnik Islam di Sabah. Kajian terdahulu juga menunjukkan jurang kajian yang memerlukan analisis mendalam secara kontekstual di Lahad Datu, sekali gus mengukuhkan kepentingan kajian ini untuk menyumbang kepada wacana akademik berkaitan adat, budaya dan Islam.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian etnografi dan kajian kes untuk memahami amalan adat perkahwinan masyarakat Suluk serta kesesuaian pelaksanaannya dengan syariat Islam (Joel, 2022; Mariappan, 2012). Kaedah pengumpulan data terdiri daripada temu bual separa berstruktur dan pemerhatian turut serta. Temu bual dijalankan dengan informan utama, termasuk tokoh adat, imam kampung, ahli keluarga pengantin, dan penduduk Suluk yang berpengalaman dalam pelaksanaan majlis perkahwinan. Temu bual ini bertujuan untuk memperoleh maklumat terperinci mengenai prosedur adat, simbolisme tarian *mengalay*, pakaian tradisional, jamuan perkahwinan, serta kefahaman informan terhadap konsep *walimatulurus* (Joel, 2022). Pendekatan separa berstruktur membolehkan pengkaji menyesuaikan soalan mengikut respons informan, seterusnya memperoleh data yang kontekstual dan kaya makna.

Selain itu, pengkaji turut mengambil bahagian dalam pemerhatian turut serta di majlis perkahwinan masyarakat Suluk, termasuk majlis persandingan, malam berinai, mandi adat, dan persembahan tarian *mengalay* (Joel, 2022; Informan 8, 2024). Pemerhatian ini membolehkan pengkaji mengalami secara langsung amalan adat, interaksi sosial, suasana budaya, serta simbolisme yang terdapat dalam setiap upacara. Dengan cara ini, pengkaji dapat mengesahkan dan melengkapkan maklumat yang diperoleh melalui temu bual. Kajian ini juga menggunakan analisis dokumen, termasuk al-Quran, hadis, kajian akademik, dan dokumentasi berkaitan adat serta hukum *walimatulurus* dalam Islam, untuk menilai kesesuaian amalan adat dengan prinsip syariat (Al-Quran; Al-Bukhari, 1987; Al-Tirmizi, 1998). Data yang dikumpulkan daripada temu bual dan pemerhatian turut serta dianalisis menggunakan analisis tematik, dengan menekankan tema-tema utama seperti fungsi hiburan dalam majlis perkahwinan, simbolisme tarian *mengalay*, dan batas syariat Islam terhadap elemen adat (Joel, 2022; Mariappan, 2012). Dapatan kemudiannya dibincangkan secara deskriptif dan analitikal untuk menilai keseimbangan antara pemeliharaan budaya dan pematuhan syariat. Pendekatan metodologi ini membolehkan kajian menilai secara holistik amalan adat masyarakat Suluk sambil menekankan aspek hukum dan keberkatan dalam perkahwinan.

Perbincangan

Amalan Adat dan Kepercayaan Dalam Perkahwinan Masyarakat Suluk

Pada asasnya, adat perkahwinan masyarakat Suluk memiliki keunikan tersendiri yang membezakan mereka daripada etnik-etnik lain di Sabah. Keunikan ini dapat dilihat melalui

struktur upacara perkahwinan yang sistematik serta sarat dengan simbol budaya dan nilai sosial yang diwarisi secara turun-temurun. Sehubungan itu, pengkaji akan membentangkan elemen-elemen penting yang terkandung dalam adat perkahwinan masyarakat Suluk dengan memfokuskan kepada pembahagian proses perkahwinan kepada tiga fasa utama, iaitu sebelum perkahwinan, semasa perkahwinan dan selepas perkahwinan. Pembahagian ini bertujuan untuk memudahkan analisis terhadap setiap amalan adat yang dilaksanakan serta memahami peranannya dalam kehidupan sosial masyarakat Suluk (Ramlie et al., 2022).

Masyarakat Suluk secara umumnya menjadikan agama Islam sebagai teras kepada identiti etnik dan pegangan hidup mereka. Islam bukan sahaja mempengaruhi aspek ibadah, malah turut membentuk pandangan hidup, hubungan sosial dan amalan kekeluargaan, termasuklah dalam urusan perkahwinan. Walau bagaimanapun, dari sudut pengamalan adat, terdapat keperluan untuk menilai semula beberapa bentuk tradisi yang masih diamalkan bagi memastikan kesesuaiannya dengan prinsip syariat Islam. Hal ini kerana tidak semua adat yang diwarisi daripada nenek moyang selari sepenuhnya dengan ajaran Islam, khususnya adat yang dipengaruhi oleh kepercayaan lama atau unsur tahyul. Oleh itu, setiap amalan adat perlu dianalisis secara terperinci bagi menentukan sama ada ia selaras dengan syariat atau sebaliknya (Azman et al., 2024; Ismail, 2013).

Perbahasan dalam bahagian ini akan meneliti secara khusus proses perkahwinan adat masyarakat Suluk dan seterusnya menganalisisnya dari perspektif Islam dengan berpandukan dalil al-Quran, hadis Nabi SAW serta pandangan ulama muktabar. Analisis ini dimulakan dengan adat *pag pasilhil* iaitu adat merisik yang bertujuan mengenal pasti latar belakang calon pasangan dan mendapatkan persetujuan awal keluarga. Seterusnya, perbincangan merangkumi adat *mag pangasawah* (majlis meminang) yang melibatkan perbincangan rasmi antara kedua-dua belah keluarga berkaitan persetujuan perkahwinan, hantaran dan syarat-syarat tertentu yang ditetapkan mengikut adat setempat (Kee Sabariah & Amat, 2012).

Selain itu, adat *pag turul taymah* iaitu penyerahan hantaran turut dibincangkan sebagai simbol kesungguhan dan tanggungjawab pihak lelaki terhadap bakal isteri. Dalam tempoh pertunangan atau *pag tunang*, terdapat beberapa amalan dan pantang larang yang dipercayai dapat menjaga keharmonian hubungan pasangan, namun sebahagiannya perlu dinilai kerana berpotensi bercanggah dengan prinsip Islam, khususnya jika dikaitkan dengan kepercayaan kepada nasib atau petanda tertentu. Upacara *mag passal* (majlis malam berinai) dan *mag pagligu* (mandi adat) pula sering dikaitkan dengan unsur simbolik pembersihan diri, namun aspek ritual dan kepercayaannya perlu diteliti agar tidak mengandungi unsur khurafat atau kepercayaan bukan Islam (Azman, 2025).

Perbincangan turut merangkumi *akad pag tiaun* iaitu upacara akad nikah yang merupakan teras utama perkahwinan menurut Islam. Walaupun akad nikah dilaksanakan berlandaskan syariat, terdapat amalan sampingan dalam majlis perkahwinan seperti jamuan yang diniatkan untuk roh orang yang telah meninggal dunia, amalan makan beradat, serta persembahan seni tarian *mengalay* yang dipersembahkan semasa *pag tiaun* (majlis perkahwinan). Amalan-amalan ini akan dianalisis secara kritikal bagi menilai kesesuaiannya dari sudut akidah, syariah dan akhlak. Akhir sekali, pantang larang selepas sah bergelar suami isteri turut dibincangkan kerana ia mempengaruhi kehidupan rumah tangga pasangan dan mencerminkan kepercayaan budaya masyarakat Suluk yang masih diamalkan hingga kini (Pullong et al., 2022).

Secara keseluruhannya, analisis terhadap amalan adat dan kepercayaan dalam perkahwinan masyarakat Suluk ini bertujuan untuk membezakan antara adat yang boleh diterima dan dikekalkan sebagai warisan budaya dengan adat yang perlu diperbetulkan atau ditinggalkan kerana bertentangan dengan ajaran Islam. Pendekatan ini sejajar dengan prinsip Islam yang tidak menolak adat secara mutlak, sebaliknya menilai dan menapis adat agar selaras dengan syariat serta memelihara kesucian akidah umat Islam.



Rajah 1: Elemen Adat Perkahwinan Masyarakat Suluk

Sumber : Kajian Penyelidikan 2025

Adat *Pagpasihil* (Adat Merisik)

Adat *pagpasihil* (adat merisik) merupakan peringkat awal dalam susunan adat perkahwinan masyarakat Suluk. Pada peringkat ini, pihak lelaki lazimnya akan mewakili saudara terdekat atau ibu bapa untuk berkunjung ke rumah bakal pengantin perempuan bagi menyatakan hasrat secara tidak langsung. Bagi pihak perempuan pula, penerimaan hajat tersebut biasanya diwakili oleh ahli keluarga terdekat seperti bapa saudara atau ibu saudara. Tujuan utama pertemuan ini adalah untuk meninjau status dan latar belakang bakal pengantin perempuan serta mendapatkan maklum balas awal daripada keluarga pihak perempuan sama ada hasrat tersebut boleh dipertimbangkan atau sebaliknya (Ramlie et al., 2022).

Menurut adat masyarakat Suluk, pihak lelaki dikehendaki membawa pemberian awal yang dikenali sebagai *buka mulut*. Pada zaman terdahulu, pemberian ini lazimnya berupa emas sebagai simbol kesungguhan dan penghormatan kepada keluarga pihak perempuan. Namun, seiring dengan perubahan zaman, pemberian tersebut kini sering digantikan dengan wang tunai. Seperti yang dijelaskan oleh salah seorang informan, “Kalau orang Suluk masa merisik dia bawa satu benda emas, kalau zaman moden digantikan dengan duit ataupun buka mulut” (Informan 1, 2024). Amalan ini mencerminkan nilai budi bahasa dan kesopanan dalam budaya

Suluk serta menjadi tanda awal komitmen pihak lelaki untuk mendirikan rumah tangga (Kee Sabariah & Amat, 2012).

Majlis *pagpasihil* (merisik) kebiasaannya dilaksanakan secara tertutup dan hanya dihadiri oleh ahli keluarga terdekat daripada kedua-dua belah pihak. Pihak keluarga perempuan berperanan menyediakan jamuan sebagai tanda menghormati tetamu yang hadir. Proses ini bertujuan untuk mengenal pasti status bakal pengantin perempuan sama ada masih bujang, sudah bertunang atau mempunyai sebarang ikatan lain. Sekiranya didapati calon perempuan masih bujang dan tiada halangan, maka adat-adat perkahwinan seterusnya boleh diteruskan. Oleh itu, *pagpasihil* (merisik) dianggap sebagai langkah asas yang penting sebelum melangkah ke fasa pertunangan dan pernikahan (Azman et al., 2024).

Dari sudut istilah, *pagpasihil* (merisik) dalam masyarakat Suluk merujuk kepada proses meninjau dan menyelidik latar belakang bakal pasangan secara beradab dan tidak langsung. Majlis ini berfungsi sebagai sesi perkenalan rasmi antara kedua-dua keluarga. Seorang informan menjelaskan bahawa “*Pagpasihil* ini maksudnya mengasi tahu bahawa datang, ataupun untuk bertanya status sama ada ada tunang ataupun tiada” (Informan 2, 2024). Hal ini menunjukkan bahawa adat merisik dalam masyarakat Suluk menitikberatkan adab dan keharmonian sosial dalam menyampaikan hasrat perkahwinan.

Dalam konteks tradisional, pemilihan pasangan dalam kalangan masyarakat Suluk lebih cenderung kepada perkahwinan sesama etnik. Amalan ini bertujuan untuk mengekalkan identiti keturunan dan kesinambungan budaya Suluk. Menurut salah seorang informan, pada zaman dahulu terdapat larangan untuk berkahwin di luar kelompok etnik tertentu kecuali dalam lingkungan keluarga terdekat, namun adat tersebut kini semakin longgar dan tidak lagi diamalkan sepenuhnya akibat perubahan sosial dan pendidikan moden (Informan 1, 2024). Perubahan ini memperlihatkan proses penyesuaian adat Suluk dengan realiti masyarakat kontemporari.

Semasa majlis *pagpasihil* (merisik), beberapa perkara penting turut dibincangkan, antaranya menyatakan hasrat rasmi pihak lelaki untuk mendirikan rumah tangga, memohon restu keluarga pihak perempuan, serta perbincangan awal berkaitan tarikh pertunangan, tarikh perkahwinan dan kadar hantaran. Pemberian emas atau wang dalam majlis ini bukan sahaja melambangkan kesungguhan pihak lelaki, malah menjadi bukti kesediaan untuk memikul tanggungjawab sebagai bakal suami. Seperti yang dinyatakan oleh informan, “Dulu murah sekarang mahal. Kalau adat-adat dulu dibawakan emas” (Informan 1, 2024).

Selari dengan tujuan asal adat *pagpasihil* (merisik), proses ini turut menilai kesesuaian bakal pasangan dari sudut latar belakang dan akhlak. Kebiasaannya, calon perempuan akan berada di dalam bilik semasa perbincangan berlangsung dan hanya keluar untuk menghidangkan air atau makanan. Perkara ini mencerminkan nilai kesopanan dan penjagaan maruah wanita dalam budaya masyarakat Suluk. Calon perempuan juga mestilah berstatus bujang dan bebas daripada sebarang ikatan bagi membolehkan proses seterusnya diteruskan (Informan 7, 2024).

Lazimnya, pihak lelaki akan memberikan cincin belah rotan sebagai tanda persetujuan awal untuk melanjutkan hubungan ke peringkat seterusnya. Namun demikian, pihak keluarga perempuan tidak semestinya memberikan jawapan serta-merta kerana terdapat juga situasi di mana mereka memohon tempoh tertentu bagi mendapatkan persetujuan daripada calon perempuan. Sekiranya lamaran diterima, pihak keluarga perempuan akan memaklumkan

kepada pihak lelaki sama ada melalui pertemuan semula atau komunikasi tidak rasmi. Walau bagaimanapun, amalan ini kini semakin berkurangan kerana kebanyakan pasangan masa kini telah saling mengenali dan memperkenalkan pasangan masing-masing kepada keluarga lebih awal.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, adat *pagpasihil pagpasihil* (merisik), mempunyai pelbagai manfaat sosial. Antaranya, adalah dapat mengelakkan salah faham dengan memastikan status calon pasangan diketahui secara jelas sebelum melangkah ke peringkat seterusnya. Selain itu, proses ini berperanan menjaga maruah keluarga kerana sebarang perbincangan dilakukan secara tertutup dan beradab. Jika didapati calon pasangan sudah mempunyai, maka proses selanjutnya boleh dihentikan tanpa menimbulkan konflik atau aib kepada mana-mana pihak.

Di samping itu, adat *pagpasihil pagpasihil* (merisik), turut membuka ruang kepada hubungan awal yang bersifat diplomatik antara kedua-dua keluarga. Pertemuan ini memberi peluang untuk saling mengenali dan membina kepercayaan sebelum hubungan kekeluargaan yang lebih erat terjalin melalui perkahwinan. Adat ini juga memperlihatkan penghargaan tinggi masyarakat Suluk terhadap wanita melalui proses merisik yang dilakukan secara terhormat dan berlapik. Justeru, adat merisik bukan sekadar tradisi semata-mata, malah mencerminkan kearifan tempatan dalam mengurus hubungan sosial dan institusi perkahwinan.

Natijahnya, adat *pagpasihil* memperlihatkan kehalusan budaya masyarakat Suluk dalam menyampaikan hasrat perkahwinan melalui bahasa yang sopan dan pendekatan yang beradab. Proses “menyiasat” latar belakang bakal pasangan ini bukan bertujuan mencari kelemahan, sebaliknya memastikan keserasian dan keharmonian rumah tangga yang bakal dibina. Keseluruhannya, adat merisik dalam masyarakat Suluk mencerminkan warisan budaya yang menekankan nilai kesopanan, penghormatan dan keharmonian sosial.

Adat *Pagpasihil* (Adat Merisik) yang Masih Diamalkan

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, amalan adat *pagpasihil* (merisik), masih lagi dikekalkan dan dilaksanakan oleh sebahagian masyarakat Suluk, khususnya dalam kalangan keluarga yang masih menitikberatkan adat dan nilai kekeluargaan. Hal ini kerana adat merisik dilihat sebagai satu pendekatan yang beretika dan beradab untuk mencapai kesepakatan awal antara dua buah keluarga sebelum sesuatu perkahwinan dilaksanakan. Amalan ini selari dengan ajaran Islam yang menggalakkan prinsip perbincangan dan musyawarah dalam urusan penting, lebih-lebih lagi dalam hal perkahwinan yang menuntut komitmen jangka panjang serta melibatkan maruah dan keharmonian dua keluarga. Justeru, adat merisik berfungsi sebagai mekanisme awal yang membezakan perkahwinan yang dilaksanakan dengan restu keluarga berbanding perkahwinan yang dilakukan tanpa persetujuan pihak keluarga (Azman et al., 2024).

Walaupun adat *pagpasihil* (merisik), masih diamalkan, terdapat beberapa penyesuaian dalam pelaksanaannya pada era moden, terutamanya dari segi formaliti, bentuk amalan dan tempoh masa. Pada zaman dahulu, sebagaimana yang dinyatakan oleh (Informan 1, 2024) adat Suluk mensyaratkan pihak lelaki membawa sebarang emas sebagai tanda awal risikan. Namun demikian, amalan tersebut semakin berkurangan pada masa kini kerana harga emas yang tinggi dianggap membebankan pihak lelaki. Tambahan pula, pihak lelaki perlu menyediakan perbelanjaan lain yang lebih utama seperti mas kahwin, kos walimah dan persiapan majlis perkahwinan. Perubahan ini menunjukkan fleksibiliti adat Suluk dalam menyesuaikan diri

dengan realiti ekonomi dan sosial masyarakat semasa tanpa menjejaskan tujuan asal adat tersebut (Ramlie et al., 2022).

Hasilnya, kebanyakan masyarakat Suluk masa kini hanya mengekalkan elemen asas dalam adat merisik, antaranya pemilihan wakil yang sesuai untuk menguruskan proses *pagpasihil* (merisik). Wakil ini biasanya terdiri daripada ibu bapa atau saudara mara terdekat yang arif tentang adat serta memiliki kemahiran bertutur secara berlapik dan sopan. Rombongan merisik pula lazimnya berskala kecil dan sederhana kerana tujuan utama adalah untuk risikan awal, bukannya perbincangan yang bersifat muktamad.

Berdasarkan penelitian pengkaji, terdapat juga sebahagian masyarakat Suluk yang masih membawa buah tangan, sebertuk cincin seperti cincin belah rotan atau cincin ringkas, serta sejumlah wang yang munasabah sebagai “buka mulut”. Pemberian ini bertujuan sebagai tanda penghormatan kepada keluarga pihak perempuan dan melambangkan komitmen serta keseriusan pihak lelaki dalam usaha mendirikan rumah tangga. Namun, amalan ini tidak dianggap sebagai satu kewajipan mutlak dan bergantung kepada kemampuan pihak lelaki serta persetujuan kedua-dua keluarga.

Dari sudut proses perbincangan, adat merisik pada masa kini lebih bersifat ringkas dan berfokus, terutamanya jika kedua-dua keluarga telah saling mengenali. Wakil pihak lelaki akan menyampaikan hasrat secara berkias dan memohon keizinan untuk menyelidik latar belakang bakal pengantin perempuan. Walaupun perkembangan teknologi seperti media sosial dan komunikasi telefon memudahkan maklumat awal diperoleh, adat *pagpasihil* (merisik), tetap dilaksanakan sebagai tanda kesungguhan dan penghormatan terhadap adat serta keluarga pihak perempuan.

Analisis *Pagpasihil* (Adat Merisik) Menurut Perspektif Islam

Merisik dalam konteks Islam dikenali sebagai *al-‘ard*, iaitu proses menyelidik dan menilai latar belakang bakal pasangan sebelum pertunangan. Proses ini berlaku sebelum majlis pertunangan dan dimulakan dengan keharusan melihat bakal pasangan dalam batasan yang ditetapkan syarak. Islam mengharuskan seorang lelaki melihat wanita yang ingin dikahwini pada bahagian muka dan kedua-dua tapak tangan sahaja, dengan tujuan memastikan kesesuaian dan menumbuhkan ketenangan hati dalam membuat keputusan. Hal ini berdasarkan sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud: “Lihatlah kepadanya wanita yang bakal dikahwini, kerana yang demikian itu lebih memungkinkan kekalnya kasih sayang antara kamu berdua” (Hadis Riwayat al-Tirmizi, no. 1087).

Namun, isu yang timbul dalam pengamalan adat *pagpasihil* (merisik) masyarakat Suluk ialah keperluan memberikan saguhati atau hadiah kepada keluarga pihak perempuan semasa merisik. Pada masa lalu, hadiah ini biasanya berupa emas, manakala pada masa kini ia sering digantikan dengan wang tunai sebagai “buka mulut” (Informan 1, 2024). Dari sudut hukum Islam, amalan ini tidak dianggap sebagai satu kewajipan syarak. Islam menganjurkan proses *ta‘āruf* yang terkawal melalui orang tengah yang dipercayai tanpa mensyaratkan sebarang pemberian material. Walau bagaimanapun, pemberian hadiah semasa merisik boleh dihukumkan harus sekiranya tidak membebankan, tidak membawa unsur paksaan dan tidak melibatkan pembaziran, kerana ia termasuk dalam kategori hadiah (*hibah*) yang bertujuan memuliakan hubungan kekeluargaan (Ismail, 2013).

Islam sendiri menganjurkan proses saling mengenali sebagai asas pembentukan hubungan yang sah dan berkat. Hal ini dijelaskan dalam firman Allah SWT yang bermaksud: “Wahai manusia! Sesungguhnya Kami menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan, dan Kami menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling mengenal” (al-Qur’an, Surah al-Hujurat, 49:13). Selain itu, Islam juga membenarkan penyampaian hasrat perkahwinan secara kiasan dalam keadaan tertentu, sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: “Dan tidak ada dosa bagi kamu menyatakan hasrat meminang perempuan itu secara sindiran atau kamu menyembunyikan hasrat itu dalam hatimu” (al-Qur’an, Surah al-Baqarah, 2:235).

Bahagian Mufti Wilayah Persekutuan telah menggariskan beberapa panduan *ta’aruf* menurut Islam, antaranya menetapkan niat pengenalan semata-mata untuk tujuan perkahwinan, menjaga batas pergaulan, melibatkan wali atau mahram, serta mengelakkan khalwat dan komunikasi yang melampaui keperluan. Prinsip-prinsip ini bertujuan memelihara kehormatan, mengelakkan fitnah dan memastikan keberkatan dalam proses pengenalan (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2020). Justeru, kaedah pengenalan yang dianjurkan Islam sebenarnya bersifat komprehensif dan boleh diaplikasikan dalam adat *pagpasihil* masyarakat Suluk. Penggunaan orang tengah yang amanah, komunikasi beradab serta pelaksanaan solat istikharah merupakan pendekatan terbaik bagi memastikan pasangan yang dipilih memiliki keserasian dari sudut agama dan akhlak. Dengan itu, adat *pagpasihil* (merisik) dapat terus diamalkan sebagai warisan budaya yang selari dengan prinsip syariat Islam.

Adat *Pag Pangasawah* (Meminang)

Menurut Din (1991), peminangan merujuk kepada proses apabila pihak lelaki menyatakan secara rasmi hasrat dan tujuan untuk memperisterikan seorang wanita, dan ia merupakan mukadimah penting kepada perkahwinan dalam masyarakat Suluk di Lahad Datu. Dalam susunan adat perkahwinan masyarakat Suluk, proses *pag pangasawah* (meminang) merupakan peringkat kedua selepas adat *pagpasihil* (merisik). Pada peringkat ini, perbincangan antara kedua-dua keluarga menjadi lebih formal dan melibatkan penetapan tarikh pertunangan serta tarikh pernikahan. Berdasarkan temu bual pengkaji dengan (Informan 7, 2024) pemilihan tarikh pertunangan dan pernikahan dalam adat Suluk tidak boleh dilakukan pada bulan Safar kerana wujud kepercayaan bahawa bulan tersebut membawa kesialan. Larangan ini dipercayai bertujuan untuk mengelakkan perkahwinan daripada ditimpa masalah seperti perselisihan faham, pergaduhan antara suami isteri, serta kegagalan rumah tangga untuk bertahan lama. Kepercayaan ini masih mempengaruhi sebahagian masyarakat Suluk, khususnya dalam kalangan generasi yang lebih tua.

Selain pemilihan tarikh, proses *pag pangasawah* (meminang) turut melibatkan perbincangan berkaitan nilai hantaran yang perlu disediakan oleh pihak lelaki bagi proses *pag turul taima’* (menyerah hantaran). Antara syarat yang lazim dikemukakan kepada pihak lelaki ialah penyediaan wang hantaran, wang hangus, serta *mahligai* iaitu sebuah binaan kecil yang dihias dengan makanan tradisional dan kuih-muih sebagai simbol penghormatan kepada pengantin perempuan. Bagi pengantin perempuan yang telah khatam al-Quran, senaskhah al-Quran juga dijadikan sebagai sebahagian daripada hantaran. Oleh itu, kehadiran keluarga pihak perempuan dalam perbincangan penetapan mas kahwin dan hantaran adalah satu keperluan penting dalam adat ini (Ramlie et al., 2022).

Pemilihan tarikh pertunangan dan perkahwinan merupakan elemen utama yang sangat dititikberatkan oleh ibu bapa dan golongan tua dalam masyarakat Suluk. Menurut kepercayaan adat, keharmonian rumah tangga banyak bergantung kepada tarikh yang dipilih. Oleh yang demikian, dalam kalendar Islam terdapat satu bulan yang dianggap tidak sesuai untuk melangsungkan pertunangan dan perkahwinan, iaitu bulan Safar. Kepercayaan ini didasari oleh anggapan bahawa peristiwa buruk seperti bala atau malapetaka akan berlaku sekiranya majlis dilaksanakan dalam bulan tersebut.

Adat *Pag Pangasawah* (Meminang) yang Masih Diamalkan

Pada masa kini, masih terdapat sebahagian masyarakat Suluk yang mempercayai kewujudan tarikh tertentu yang dianggap tidak baik atau sial untuk melaksanakan majlis keramaian. Setelah proses merisik berjaya dan mendapat persetujuan awal, keluarga pihak lelaki akan menghantar rombongan rasmi yang biasanya terdiri daripada orang tua-tua atau jurucakap yang berpengalaman dalam adat serta mahir dalam perundingan. Mengikut adat Suluk, rombongan lelaki lazimnya membawa minuman dan makanan tradisional seperti kuih penjaram, dan ada juga yang membawa barang hantaran sebagai lambang penghormatan dan penghargaan kepada bakal pengantin perempuan. Sekiranya pinangan diterima, pada peringkat inilah perbincangan penting akan dilaksanakan secara terperinci. Perbincangan tersebut merangkumi penetapan mas kahwin, jumlah wang hantaran, tarikh pertunangan, tarikh perkahwinan, serta pemberian *mahligai* sebagai hadiah tambahan kepada pengantin perempuan. Pemberian *mahligai* ini khususnya dianggap sebagai satu bentuk penghargaan terhadap pengantin perempuan yang telah berjaya mengkhatamkan al-Quran, dan mencerminkan nilai agama yang dihormati dalam adat perkahwinan masyarakat Suluk.

Analisis Adat *Mag Pangasawah* (Meminang) Menurut Perspektif Islam

Menurut al-Dhahabi (2007), perbuatan meramal nasib atau mempercayai kesialan yang tidak bersandarkan dalil syarak dikategorikan sebagai dosa besar. Dalam konteks adat masyarakat Suluk, kepercayaan bahawa bulan Safar merupakan bulan sial dan tidak boleh melangsungkan pertunangan atau pernikahan jelas bertentangan dengan ajaran Islam. Amalan ini menyerupai konsep *tiyarah*, iaitu mempercayai petanda buruk atau kesialan tanpa asas yang sah. Tambahan pula perkara ini adalah khurafat dan dicegah dalam agama Islam. Hal ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Tidak ada penyakit berjangkit (dengan sendirinya), tidak ada kesialan, tidak ada kesialan pada bulan Safar dan tidak ada kepercayaan datangnya malapetaka disebabkan burung hantu” (Riwayat al-Bukhari, no. 5770; Muslim, no. 2220; Abu Dawud, no. 3913). Imam Badruddin al-‘Aini (2001) dalam syarahnya menjelaskan bahawa masyarakat Arab Jahiliyyah dahulu mempercayai kewujudan mitos berkaitan bulan Safar, termasuk anggapan bahawa terdapat makhluk atau penyakit yang membawa mudarat kepada manusia. Kepercayaan seperti ini diklasifikasikan sebagai khurafat dan ditegah dalam Islam kerana ia bercanggah dengan prinsip tauhid dan kepercayaan terhadap qada’ dan qadar Allah SWT.

Selain itu, dalam *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, Ibn Hajar al-‘Asqalani menjelaskan pandangan al-Hulaimi bahawa Rasulullah SAW lebih cenderung kepada konsep *al-fa’l* (optimisme), manakala *al-tathayyur* (menganggap sial) merupakan satu bentuk sangkaan buruk terhadap Allah SWT tanpa alasan yang jelas. Sebaliknya, *al-tafa’ul* iaitu bersikap optimis adalah selari dengan konsep *husn al-zann* (berbaik sangka) terhadap Allah SWT. Oleh itu, seorang mukmin dituntut untuk sentiasa meletakkan pergantungan dan keyakinan sepenuhnya

kepada Allah dalam setiap urusan kehidupan, termasuk perkahwinan. Firman Allah SWT yang bermaksud: “Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untuk kamu pasangan-pasangan daripada jenis kamu sendiri supaya kamu berasa tenteram dengannya, dan Dia menjadikan di antara kamu perasaan kasih sayang dan belas kasihan” (al-Qur’an, Surah al-Rum, 30:21). Berdasarkan prinsip Islam, tidak terdapat sebarang larangan terhadap pemilihan tarikh tertentu untuk melangsungkan perkahwinan. Malah, Islam menggalakkan agar pernikahan disegerakan bagi mereka yang berkemampuan dan layak, bagi mengelakkan fitnah serta menjaga kehormatan diri dan masyarakat. Oleh itu, kepercayaan terhadap kesialan bulan Safar dalam adat *pag pangasawah* (meminang) perlu dinilai semula agar selaras dengan ajaran Islam yang menekankan tauhid, tawakal dan husn al-zann kepada Allah SWT.

Adat Pag Turul Taymah (Menyerah Hantaran)

Menurut adat masyarakat Suluk, pemberian hantaran merujuk kepada wang dan barang-barang hantaran yang diberikan oleh pihak lelaki kepada pihak perempuan. Walaupun kedua-duanya merupakan elemen yang berbeza, namun ia saling berkait rapat dalam pelaksanaan adat perkahwinan Suluk. Pemberian hantaran ini hanyalah satu amalan adat yang telah menjadi budaya dalam masyarakat Suluk dan berbeza dengan mas kahwin (*mahr*), yang merupakan kewajipan menurut syariat Islam. Berdasarkan temu bual bersama informan, penetapan wang hantaran lazimnya dibincangkan semasa majlis meminang dan diserahkan sama ada ketika majlis pertunangan atau sebelum akad nikah berlangsung. Nilai wang hantaran ditentukan melalui persepakatan antara kedua-dua pihak, walaupun kebiasaannya cadangan awal datang daripada pihak keluarga perempuan. Hal ini dinyatakan oleh salah seorang informan: “Ikut juga daripada permintaan pihak perempuan berapa jumlah hantaran yang dorang minta.” (Informan 4, 2024).

Menurut Mariappan et al. (2012), dalam majlis perbincangan peminangan masyarakat Suluk, keluarga pihak perempuan yang diketuai oleh *Datuk* akan menetapkan mas kahwin dan hantaran, yang dalam istilah tempatan dikenali sebagai *ungsud*. Pada zaman terdahulu, ketika wang hantaran diserahkan semasa pertunangan, wang tersebut akan diletakkan di dalam sapu tangan dan diikat dengan erat sebagai simbol ikatan pertunangan yang kukuh dan berpanjangan. Selain wang hantaran, adat Suluk turut menetapkan pemberian beberapa dulang hantaran yang mengandungi barang-barang tertentu. Lazimnya, empat dulang disediakan, iaitu dulang pertama berisi kelengkapan daun sirih, dulang kedua mengandungi pakaian perempuan seperti kain sarung, dulang ketiga diisi alat solek, dan dulang terakhir berisi kuih-muih tradisional seperti kuih jala, kuih buluh dan kuih penjaram. Menurut adat Suluk, pihak perempuan tidak diwajibkan membalas hantaran tersebut, berbeza dengan amalan dalam adat perkahwinan Melayu.

Pada zaman dahulu, terdapat juga permintaan agar pihak lelaki menyediakan sekurang-kurangnya seekor lembu sebagai sebahagian daripada hantaran. Namun, amalan ini sudah tidak lagi dipraktikkan pada masa kini selaras dengan perubahan zaman. Wang hantaran kini lebih banyak digunakan bagi menampung perbelanjaan majlis perkahwinan atau *tingkuang*. Oleh itu, wang hantaran menjadi perbelanjaan utama yang perlu disediakan oleh pihak lelaki, dan kegagalan menyediakannya sering menimbulkan konflik antara kedua-dua keluarga kerana ia dianggap sebagai kegagalan menunaikan janji yang telah dipersetujui. Keadaan ini menyebabkan sebahagian pasangan sanggup meminjam wang demi memenuhi kadar hantaran yang ditetapkan. Namun, sekiranya tuntutan hantaran dan barang hantaran melebihi kemampuan pihak lelaki, ia boleh menimbulkan tekanan yang serius. Menurut

Madiah (2017), bebanan hantaran yang tinggi menyumbang kepada permasalahan sosial seperti kahwin lari, penangguhan perkahwinan, kehamilan luar nikah dan kecenderungan memilih untuk hidup bujang dalam kalangan generasi muda.

Oleh yang demikian, adat pemberian hantaran boleh menjadi suatu permasalahan sekiranya tidak disertai dengan sikap toleransi dan pertimbangan daripada pihak keluarga perempuan. Adalah penting untuk difahami bahawa hantaran hanyalah adat dan bukan kewajipan syarak. Penetapan wang hantaran seharusnya dibuat berdasarkan budi bicara bersama serta kemampuan pihak lelaki. Sekiranya pihak lelaki berkemampuan, maka tidak menjadi kesalahan untuk memberikan hantaran yang lebih tinggi, namun jika sebaliknya, kadar yang sederhana sudah memadai. Hal ini dinyatakan oleh Informan 7: “Kalau dari sudut hantaran ini pula ikutlah daripada kemampuan pihak lelaki, tapi yang paling utama perlu ada bajet untuk makan-makan bermula daripada malam berinai sehinggalah selesai majlis perkahwinan.”

Adat *Pag Turul Taymah* (Menyerah Hantaran) yang Masih Diamalkan

Berdasarkan kajian lapangan, pengkaji mendapati bahawa pelaksanaan adat *pag turul taymah* dalam masyarakat Suluk masa kini telah mengalami penyesuaian dan perubahan berbanding amalan tradisional terdahulu. Penyerahan barang hantaran lazimnya dilakukan sama ada semasa majlis pertunangan atau sebelum akad nikah. Barang hantaran disusun di ruang tamu rumah dan tidak lagi menggunakan dulang tradisional, sebaliknya digantikan dengan tempat hantaran moden yang mempunyai pelbagai reka bentuk. Barangan hantaran yang disediakan pula lebih bersifat asas, seperti pakaian adat Suluk, kain sarung dan kuih-muih tradisional. Simbolik pemberian ini adalah sebagai tanda kasih sayang, penghargaan dan kesediaan pihak lelaki memikul tanggungjawab perkahwinan. Pihak perempuan pula tidak membalas sebarang hantaran, yang menjadi salah satu keunikan adat perkahwinan Suluk berbanding adat Melayu (Madiah, 2017).

Analisis Adat *Pag Turul Taymah* (Menyerah Hantaran) Menurut Perspektif Islam

Dari sudut syarak, hantaran merujuk kepada hadiah berupa wang atau barang yang diberikan oleh pihak lelaki kepada pihak perempuan dan tidak tergolong sebagai kewajipan agama. Wang dan barang hantaran tidak diwajibkan dalam Islam, sebaliknya ia bergantung kepada persetujuan dan kebiasaan masyarakat setempat. Menurut Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, hantaran ditakrifkan sebagai hadiah dan bukan mas kahwin. Namun dalam konteks adat Suluk, wang hantaran sering digunakan bagi menampung perbelanjaan majlis perkahwinan serta pembelian keperluan pengantin perempuan. Penetapan kadar hantaran biasanya dipengaruhi oleh status ekonomi, pendidikan, paras rupa serta kedudukan sosial keluarga pengantin perempuan. Sekiranya pengantin perempuan berasal daripada keluarga yang berkedudukan tinggi, maka nilai hantaran yang ditetapkan lazimnya lebih tinggi. Walau bagaimanapun, dari perspektif Islam, wang dan barang hantaran hanyalah perkara *tahsiniyyat* (pelengkap) dan bukan perkara wajib yang menjadi keperluan asas dalam perkahwinan.

Menurut Firdaus (2022), amalan hantaran dipercayai mempunyai pengaruh daripada tradisi pra-Islam seperti Hinduisme dan Buddhisme yang pernah berakar umbi di Alam Melayu sebelum kedatangan Islam. Walaupun amalan ini tidak mempunyai sandaran langsung daripada al-Quran dan hadis, Islam mengiktiraf adat sebagai salah satu sumber hukum selagi tidak bercanggah dengan syariat. Prinsip ini dirumuskan dalam kaedah fiqh *al-'adah al-*

muhakkamah, yang bermaksud adat kebiasaan boleh dijadikan asas hukum dalam perkara muamalat. Walau bagaimanapun, penetapan hantaran tidak boleh membebankan dan mesti berlandaskan kesederhanaan. Allah SWT berfirman yang bermaksud: “Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Dia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran.” (al-Baqarah, 2:185).

Kajian Ibrahim (2018) menunjukkan bahawa hantaran yang tinggi menjadi faktor utama perkahwinan lewat dalam kalangan belia kerana kekangan ekonomi serta kos sara hidup yang semakin meningkat. Selain itu, hantaran yang berlebihan turut meningkatkan risiko pembaziran dan bertentangan dengan prinsip kesederhanaan yang dianjurkan Islam. Rasulullah SAW sendiri menekankan kesederhanaan dalam urusan perkahwinan, sebagaimana hadis berikut: “Semoga Allah memberkati perkahwinanmu, adakanlah *walimah* walaupun hanya dengan seekor kambing” (Riwayat al-Bukhari, no. 5155; Muslim, no. 2556). Hadis ini jelas menunjukkan bahawa perkahwinan tidak seharusnya dibebankan dengan tuntutan material yang berlebihan. Oleh itu, masyarakat Islam khususnya etnik Suluk perlu membezakan antara adat dan syariat. Walaupun adat dihormati, ia tidak boleh mengatasi tuntutan agama. Kesederhanaan, toleransi dan keikhlasan wajar dijadikan asas agar institusi perkahwinan yang dibina diberkati dan berlandaskan takwa, bukan semata-mata kemegahan adat atau kemewahan duniawi.

Adat Pagtunang (Adat Bertunang) dalam Masyarakat Suluk

Dalam masyarakat Suluk, adat *pagtunang* (bertunang) merupakan proses awal fasa perkenalan dan persediaan sebelum mendirikan rumah tangga. Majlis pertunangan biasanya dilaksanakan selepas mendapat persetujuan tarikh daripada kedua belah pihak keluarga melalui majlis *pag pasihil* (merisik). Adat ini berperanan sebagai ikatan formal antara dua individu yang bersetuju untuk mendirikan rumah tangga, dengan persetujuan kedua belah keluarga. Semasa majlis pertunangan, pihak lelaki biasanya membawa rombongan beserta barang hantaran, manakala pihak keluarga perempuan menyediakan jamuan untuk majlis tersebut. Penyerahan barang hantaran dilakukan secara rasmi oleh ketua rombongan lelaki, yang diketuai oleh Datuk atau ketua keluarga. Antara barang hantaran yang diserahkan termasuk wang tunai, empat dulang hantaran, dan sebentuk cincin sebagai simbolik ikatan antara kedua pasangan (Mariappan & Porodong, 2012).

Selain itu, majlis pertunangan juga menetapkan jumlah wang hantaran, tarikh pernikahan, serta sebarang pantang larang yang perlu dipatuhi sepanjang tempoh pertunangan. Calon lelaki memberikan cincin yang disarungkan oleh ibu calon lelaki ke jari manis calon perempuan sebagai simbolik pertunangan. Menurut informan: “Sepanjang bertunang pihak lelaki perlu memberikan nafkah tunang saya dulu setiap bulan diberikan RM70 bersamaan RM840 setahun, tapi mertua sudah mula bagi RM1000 dengan bapa saya” (Informan 10, 2024). “Macam saya zaman dahulu, bertunang setiap satu bulan atau satu minggu saya datang untuk bawa belanja dan berikan kepada pihak perempuan. Contoh gula, kopi, beras dan syampu memang itulah adat-adat dulu. Itu adat Suluk sebelum kahwin perlu hantar belanja” (Informan 1, 2024). Pemberian nafkah semasa pertunangan merupakan tradisi yang diwarisi daripada nenek moyang, sebagai komitmen dan bukti bahawa calon lelaki bersedia menggalas tanggungjawab dalam rumah tangga (Hanafiah, 2018).

Adat *Pag Tunang* (Bertunang) yang Masih Diamalkan

Dalam adat Suluk, tarikh pertunangan dan perkahwinan tidak boleh dilaksanakan pada bulan Safar, kerana dipercayai membawa bala dan malapetaka. Oleh itu, adat mandi buang sial dilakukan untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini. Selain itu, calon lelaki dan perempuan perlu berbincang tarikh perkahwinan dan mematuhi pantang larang, termasuk larangan berdua-duaan tanpa ditemani pihak lain (Informan 4, 8, 10). Pemilihan pasangan juga melalui ujian, di mana calon isteri tinggal di rumah bakal mertua dan melaksanakan tugas rumah untuk menilai kesanggupan dan kesiapan menempuh alam rumah tangga (Mariappan & Porodong, 2012). Adat bertunang dalam masyarakat Suluk masih diamalkan pada masa kini namun dalam bentuk yang lebih fleksibel dan selari dengan perubahan semasa. Majlis pertunangan lazimnya melibatkan pemberian cincin, hantaran, doa serta jamuan, dengan penambahan elemen moden seperti pelamin mini dan doorgift. Tempoh pertunangan biasanya ditetapkan maksimum satu tahun dan disertai pantang larang pergaulan yang dipatuhi selaras dengan syariat Islam (Informan 3, 8).

Analisis Adat *Pag Tunang* (Bertunang) Menurut Perspektif Islam

Kewajipan pemberian nafkah sepanjang tempoh pertunangan yang diamalkan dalam adat Suluk didapati bertentangan dengan prinsip Islam kerana nafkah hanya diwajibkan selepas akad nikah. Menurut Wahbah al-Zuhaili (1985), nafkah merangkumi keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal yang hanya menjadi tanggungjawab suami terhadap isteri. Hal ini disokong oleh dalil al-Quran (Surah al-Nisa' 4:34; Surah al-Baqarah 2:233) dan hadis Nabi Muhammad SAW (Riwayat al-Bukhari, 2139). Sebaliknya, pantang larang pergaulan semasa pertunangan seperti larangan berdua-duaan dan keperluan izin ibu bapa adalah sejajar dengan ajaran Islam (Surah al-Isra' 17:32; Riwayat Muslim, 1341). Dari sudut hikmah, adat bertunang memberi ruang persediaan fizikal, mental dan kewangan, serta peluang menilai keserasian pasangan sebelum perkahwinan. Islam turut menekankan pemilihan pasangan berdasarkan agama dan akhlak (Riwayat al-Bukhari, 4802; Muslim, 1466), di samping kriteria lain seperti ilmu, keturunan dan pendidikan (Abdul Munir Ismail & Muhamad, 2017). Secara keseluruhan, adat bertunang yang disertai ikatan rasmi, nafkah simbolik dan pantang larang pergaulan berfungsi sebagai mekanisme sosial untuk mengelakkan fitnah serta membantu pasangan membuat persiapan sebelum berkahwin (Informan 1, 3, 8).

Adat *Mag Passal* (Malam Berinai)

Upacara malam berinai merupakan antara acara penting dalam adat perkahwinan masyarakat Suluk dan dilaksanakan sebanyak dua kali, iaitu pada malam sebelum akad nikah dan pada pagi hari sebelum akad nikah selepas pengantin perempuan mandi adat (Informan 7, 2024). Pengantin perempuan digalakkan memakai inai baharu serta meniup lilin sebagai sebahagian daripada kepercayaan untuk menaikkan seri dan mengelakkan malapetaka (Informan 9, 2024). Majlis ini dimeriahkan dengan persembahan tarian mengalay yang diiringi muzik kulintangan serta hidangan kuih tradisional, sekali gus menandakan peralihan status pengantin perempuan dan restu kepada pihak perempuan (Norhuda, 2016).

Amalan mag passal turut merangkumi tradisi mag jaga-jaga oleh keluarga pengantin bagi memastikan keselamatan dan kelancaran majlis, manakala alunan kulintangan dimainkan beberapa hari sebelum akad nikah sebagai medium hebahan kepada penduduk kampung (Informan 1, 7, 2024).

Adat Mag Passal (Malam Berinai) Menurut Perspektif Islam

Walaupun majlis malam berinai bukan merupakan rukun atau syarat sah perkahwinan dalam Islam, ia berfungsi sebagai adat budaya yang melengkapkan proses perkahwinan. Namun, elemen hiburan seperti tarian dan muzik yang melibatkan percampuran lelaki dan perempuan berpotensi menyalahi batas pergaulan Islam (Mazelan, 2016). Dari sudut hukum, penggunaan inai (*Lawsonia inermis*) adalah harus dan disunatkan bagi wanita menurut jumhur fuqaha' berdasarkan hadis Nabi SAW (Riwayat Abu Daud 4166; Salleh, 2003). Walau bagaimanapun, amalan ini hendaklah dilaksanakan secara sederhana dan selaras dengan syariat Islam bagi mengelakkan unsur kemaksiatan (Salleh, 2003).

Adat Magpaigu Pagligu (Mandi Adat)

Adat mandi adat atau *magpaigu* dalam masyarakat Suluk dilaksanakan pada pagi sebelum majlis akad nikah sebagai simbol penyucian dalaman, penambahan seri dan perlindungan daripada pengaruh negatif (Tengku Luman Sinar, 1978). Upacara ini dikendalikan oleh golongan tua yang arif dalam adat dan melibatkan penggunaan alatan seperti tujuh kain sarung, lilin dan inai. Proses penyiraman air disertai bacaan syair dan doa bertujuan memberi semangat serta mengurangkan kegelisahan pengantin (Informan 1 & 8, 2024). Lilin yang ditiup selepas mandi adat melambangkan harapan, kekuatan dan petunjuk dalam menghadapi cabaran rumah tangga (Informan 8, 2024).

Adat Magpaigu Pagligu (Mandi Adat) Menurut Perspektif Islam

Walaupun adat ini mempunyai nilai budaya dan simbolik, ia didapati bercanggah dengan syariat Islam dari beberapa aspek, antaranya pendedahan aurat semasa pelaksanaan upacara (Al-Quran, Surah al-Nur, 24:31; Busana Muslimah Menurut Perspektif al-Quran dan al-Hadith, 2018) serta penggunaan mantera yang mengandungi unsur magis dan permohonan selain Allah SWT (Noriah Taslim, 2007). Amalan mantera ini ditegah dalam Islam berdasarkan hadis Nabi Muhammad SAW (Riwayat Imam Ahmad, 3615; Abu Dawud, 3883; Ibnu Majah, 3530). Menurut Yusuf al-Qaradhwani (1999), bacaan yang tidak difahami dan mengandungi unsur syirik adalah dilarang, manakala pelaksanaan upacara oleh bukan mahram turut menyalahi prinsip tawakkal kepada Allah SWT (Imam al-Syaukani, 2001). Kesimpulannya, adat *magpaigu* dianggap haram dari perspektif Islam walaupun mempunyai nilai warisan budaya, kerana melibatkan aurat terbuka dan unsur syirik dalam amalannya (Al-Quran, Surah al-Nur, 24:31).

Akad Pag Tiaun (Akad Nikah) dalam Adat Suluk

Akad nikah dalam masyarakat Suluk menekankan kepentingan lafaz ijab dan qabul serta keredhaan kedua-dua pihak sebagai teras kesahan perkahwinan (Mariappan, 2012). Walaupun secara tradisi pengantin mengenakan busana adat seperti *batawi*, *sablai* dan *sawwal*, pengaruh moden telah membawa kepada penggunaan pakaian kurung moden dan baju Melayu (Informan 3). Perkahwinan lazimnya dilaksanakan dalam dua peringkat, iaitu akad adat yang dikendalikan imam kampung dan akad rasmi mengikut prosedur Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) yang melibatkan kursus perkahwinan serta pendaftaran nikah (Informan 1).

Akad adat Suluk mengandungi pelbagai elemen simbolik seperti pertemuan kaki pengantin lelaki dengan imam sebagai lambang kesediaan memikul tanggungjawab, jabat tangan berlapis kain putih, bacaan istighfar, syahadah dan selawat sebelum lafaz akad nikah serta penetapan mas kahwin berupa emas atau wang tunai sebagai simbol kesungguhan dan keberkatan (Informan 1; Mariappan, 2012). Selepas akad, beberapa adat tambahan dilaksanakan seperti pembatalan wudhu', pemberian rokok atau wang sebagai simbol tanggungjawab material, serta upacara makan beradab yang melambangkan penyatuan suami isteri (Informan 1).

Dari sudut syariat, lafaz ijab dan qabul yang jelas dan difahami merupakan rukun utama pernikahan, dan boleh dilaksanakan dalam bahasa Suluk selagi memenuhi syarat kefahaman semua pihak (Zaidān, 1992; Zuhaili, 2003; Azni et al., 2022). Mas kahwin merupakan kewajipan lelaki tanpa had nilai tertentu, bergantung kepada kemampuan dan persetujuan bersama (Abd Wakil, 2017; Husin, 2017). Pemberian mahligai kepada pengantin perempuan yang mengkhata al-Quran pula bersifat adat budaya dan dikategorikan sebagai hibah atau hadiah sunat selagi tidak mengandungi unsur paksaan atau kepercayaan yang bercanggah dengan tauhid (al-Buthi, 2010; Surah az-Zumar 39:43). Secara keseluruhan, adat akad nikah masyarakat Suluk menunjukkan keseimbangan antara adat dan syariat, dengan penekanan utama terhadap rukun pernikahan serta penghargaan terhadap wanita dan pendidikan agama.

Adat Pag Tiaun (Majlis Perkahwinan) dalam Masyarakat Suluk

Dalam masyarakat Suluk, majlis perkahwinan diadakan selepas akad nikah dengan pengantin duduk di pelamin dan diserikan tarian seperti *mangalay* dan *daling-daling* yang diiringi muzik *kulintangan* dan *gabbang*. Tarian ini menampilkan gerakan halus berunsur simbolik, peniruan pergerakan haiwan, serta penggunaan pakaian tradisional seperti *sablay*, dan berfungsi sebagai hiburan serta medium menghebahkan perkahwinan dan menyatukan dua keluarga (Joel, 2022). Majlis turut disertai jamuan makanan etnik dan kuih tradisional sebagai simbol kesyukuran dan kebersamaan.

Adat Pag Tiaun (Majlis Perkahwinan) Menurut Perspektif Islam

Dari perspektif Islam, perkahwinan merupakan sunnah yang sangat dituntut dan walimatulurus berperanan menghebahkan pernikahan bagi mengelakkan fitnah, dengan pelaksanaan yang sederhana mengikut kemampuan (Riwayat al-Tirmizi, 1998, no. 1101; Riwayat al-Bukhari, 1987, no. 2048) serta perlu didaftarkan dengan JHEAINS (Mokhtar et al., (2020). Namun, elemen hiburan seperti tarian *mengalay* berpotensi bercanggah dengan syariat Islam sekiranya melibatkan pendedahan aurat dan kelalaian, sebagaimana perintah menjaga pandangan dan kehormatan dalam al-Quran (Surah al-Nur, 24:30–31). Oleh itu, majlis perkahwinan hendaklah dikendalikan secara beradab dengan mengutamakan kesopanan, doa dan keberkatan, selaras dengan tujuan utama walimatulurus sebagai tanda kesyukuran dan pengukuhan ikatan perkahwinan. Menurut Mokhtar et al., (2022), dengan adanya hasil dan dapatan dari kajian seperti ini, budaya *bidaah* membidaah dan sesat-menyesatkan di dalam masyarakat Islam masa kini dapat dikurangkan atau dihentikan secara total. Ini kerana pertelagahan sebegini akan menyumbang kepada perpecahan ummah sedangkan ada permasalahan ummah yang lebih besar dan memerlukan tenaga dan buah fikiran seluruh muslimin untuk memperbetulkannya dengan segera seperti ancaman pluralisme dan liberalisme agama yang sudahpun menular dalam kalangan umat Islam di Malaysia.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, majlis perkahwinan dalam masyarakat Suluk mencerminkan kekayaan warisan budaya melalui amalan adat, seni persembahan dan jamuan tradisional yang berfungsi menghebahkan perkahwinan serta mengeratkan hubungan kekeluargaan. Walau bagaimanapun, dari perspektif Islam, pelaksanaan walimatulurus hendaklah berpaksikan kepada kesederhanaan, kesyukuran dan pemeliharaan adab, selaras dengan tuntutan syariat. Elemen hiburan seperti tarian *mengalay* boleh diteruskan sebagai warisan budaya sekiranya dikawal dengan mematuhi batas aurat dan mengelakkan unsur kelalaian. Justeru, keseimbangan antara pemeliharaan adat dan pematuhan syariat Islam amat penting bagi memastikan majlis perkahwinan bukan sahaja meriah dari sudut budaya, tetapi juga membawa keberkatan serta mencapai tujuan sebenar perkahwinan dalam Islam.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, (UMS) dan pihak Global Academic Excellence (GAE) atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC).
Pernyataan Etika:	Kajian ini telah dijalankan selaras dengan piawaian etika penyelidikan. Semua prosedur yang melibatkan responden manusia telah disemak dan diluluskan oleh [Nama Lembaga Etika Penyelidikan/Jawatankuasa Etika], dengan nombor kelulusan [UMS/FIS6.12/100-2/4/1]. Persetujuan bermaklumat telah diperoleh daripada semua responden sebelum pengumpulan data dijalankan. Penyertaan adalah secara sukarela, dan responden telah dijamin kerahsiaan serta anonimitas. Data yang dikumpulkan digunakan semata-mata bagi tujuan akademik.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. [Sarip Adul dan Earnie Elmie Hilmie] bertanggungjawab terhadap pengkonsepan, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. [Nurul Atiqah Azman] mengendalikan pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. [Saifulazry Mokhtar] menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf, dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan..

Rujukan

- Abd Wakil, A. (2017). *Fiqh perkahwinan dan mas kahwin di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Munir Ismail, & Muhamad, A. R. (2017). *Pemilihan pasangan dalam perspektif masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti.
- Abu Dawud, S. A. (2009). *Sunan Abi Dawud*. Dar al-Risalah al-‘Alamiyyah.
- Abu Dawud. (2008). *Sunan Abi Dawud* (Al Albani, H. ed., Hadis 4166). Riyadh: Darussalam.
- Abu Dawud. (2008). *Sunan Abi Dawud* (Hadis 3883). Riyadh: Darussalam.
- Aerisul, S. (2011). *Kajian perceraian dalam masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.
- Al-‘Aini, B. D. (2001). *‘Umdat al-Qari sharh Sahih al-Bukhari* (Vols. 1–25). Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Al-Bukhari, M. I. (2001). *Sahih al-Bukhari*. Dar Tuq al-Najah.
- Al-Buthi, M. S. R. (2010). *Kubra al-Yaqiniyat al-Kauniyat*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Buti, M. (2011). *Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Dhahabi, S. (2007). *Al-Kaba’ir*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Ghazali, A. (2025). *Ihya Ulum al-Din*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Al-Qaradhawi, Y. (1999). *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Cairo: Dar al-Taqwa.
- Al-Tirmidhi, M. ‘Isa. (1998). *Sunan al-Tirmidhi*. Dar al-Gharb al-Islami.
- Al-Tirmizi, M. ‘Isā. (1998). *Sunan al-Tirmizi* (Hadith no. 1087). Dar al-Gharb al-Islami.
- Azman, N. A. (2025). Marriage customs of the Suluk community from an Islamic perspective: A study in Lahad Datu, Sabah. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 15(6), 692–698.
- Azman, N. A., Mokhtar, S., & Esa, M. S. (2024). *Adat pra perkahwinan masyarakat Suluk menurut Islam: Kajian di Lahad Datu Sabah*. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9, 1-11.
- Azman, N. A., Mokhtar, S., Esa, M. S., Thia, K., & Ahmad, M. K. L. (2024). *Adat pra perkahwinan masyarakat Suluk menurut Islam: Kajian di Lahad Datu Sabah*. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9(36), 464–474.
- Azmi, R. (2017). *Peranan pemilihan pasangan dalam kestabilan rumah tangga*. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(2), 45–60.
- Azni, W., Wahidin, R., Kurniawan, R., & Jupendri, A. (2022). *Islamic family law: Principles and practices*. Jakarta: Al-Huda Press.
- Bukhari, M. I. (1987). *Sahih al-Bukhari* (3/69, no. 2048). Beirut: Dar al-Fikr.
- Busana Muslimah Menurut Perspektif al-Quran dan al-Hadith. (2018). Kuala Lumpur: Pustaka Islam.
- Din, H. (1991). *Adat perkahwinan masyarakat Suluk di Sabah*. Kota Kinabalu: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Firdaus, M. A. (2022). *Adat perkahwinan Melayu dan pengaruh pra-Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hanafiah, M. R. (2018). *Hukum bertunang dalam perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu.
- Harun, M. (2024). *Sosiologi keluarga Melayu dan adat perkahwinan*. Johor Bahru: Penerbit Universiti.
- Husin, M. (2017). *Hukum mas kahwin dalam perspektif mazhab Shafi’i*. Selangor: Pustaka Ilmu.
- Ibn Hajar al-‘Asqalani, A. (2000). *Fath al-Bari sharh Sahih al-Bukhari*. Dar al-Ma‘rifah.
- Ibnu Majah. (2008). *Sunan Ibn Majah* (Hadis 3530). Riyadh: Darussalam.

- Ibrahim, R. (2018). Faktor ekonomi dan perkahwinan lewat dalam kalangan belia Muslim di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 26(2), 215–234.
- Imam Ahmad. (2008). *Musnad Ahmad* (Hadis 3615). Riyadh: Darussalam.
- Imam al-Syaukani. (2001). *Nail al-Authar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ismail, M. N. (2013). Adat dan amalan budaya masyarakat Islam: Analisis dari perspektif syariah. *Jurnal Pengajian Islam*, 10, 45–58.
- Jabatan Warisan Negara. (2025). *Adat*. Portal Rasmi Jabatan Warisan Negara. Heritage 2023
- JAKIM. (2020). *Panduan akad nikah dan perkahwinan Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Joel, A. (2022). *Pelestarian Tarian Daling-Daling Sebagai Identiti Suku Kaum Suluk*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaysia.
- Kee Mohd Yussof, K. S., & Amat, A. (2012). *Maklumat seni budaya: Adat resam dan budaya kaum Suluk*. Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Kling, J. (1985). *Malay proverb and cultural values*. In Rosila Bee (Ed.), *Being Malay: Ethnic and Religious Identity* (pp. 115-120). University of Western Australia Press. UWA Research Repository
- Maarof, N. (2015). *Kehidupan berkeluarga dan adat perkahwinan masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Madiah, N. (2017). Amalan hantaran dan implikasi sosial dalam perkahwinan masyarakat Islam di Sabah. *Jurnal Usuluddin*, 45(1), 89–108.
- Mariappan, K. (2012). *Traditions and rituals in Suluk weddings: Symbolism and cultural preservation*. Sabah Cultural Journal, 5(2), 45–63.
- Mariappan, M., Osman, Z., & Salleh, A. (2012). Adat dan struktur perkahwinan masyarakat Suluk di Sabah. *Jurnal Borneo Research*, 6(1), 55–72.
- Mariappan, R., & Porodong, P. (2012). *Adat dan tradisi masyarakat Suluk di Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah Press.
- Mazelan, M. (2016). *Amalan hiburan dan batasan pergaulan dalam majlis keramaian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Melina Attip. (2024). *Maklumat seni budaya tradisi Suluk*. Pemetaan Budaya JKKN. pemetaanbudaya.jkkn.gov.my
- Mokhtar, S., Thia, K., Yazid, M.T.M., Ramlie, H.A., Muis, A.M.R.A & Pullong, A. (2022). Adat dan Ritual Kematian Masyarakat Suluk di Sandakan Menurut Pandangan Syarak. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(45), 1 - 17.
- Mokhtar, S., Ationg, R., Zulhaimi, N. A., Muda, N., Muis, A. M. R. A., Majumah, A. S. A. R., & Bakar, A. L. A. (2021). Pengaruh Kepimpinan Pengamal Adat Kaum Suluk Dalam Ritual Kematian: Satu Tinjauan Awal Di Sandakan, Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(38), 217 - 231.
- Mokhtar, S., Mustafa, M. Z., Thia, K., Moharam, M. M. al-H. and Ramlie, H. A. (2020) “Faktor Penghalang Poligami: Kajian Kes Ke Atas Guru-Guru Lelaki di Daerah Kinabatangan, Sabah”, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(9). 137 - 148.
- Muslim, I. H. (2006). *Sahih Muslim*. Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Norhuda, H. (2016). *Adat dan tradisi perkahwinan etnik Suluk di Sabah*. Jurnal Budaya dan Warisan, 4(2), 45–60.
- Noriah Taslim. (2007). *Aspek Ritual dan Magis dalam Tradisi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2020). *Garis panduan ta’aruf menurut Islam*. Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan.

- Pullong, A., Mokhtar, S., Hajimin, M. N. H. H., & Esa, M. S. (2022). Adat perkahwinan masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah: Penilaian dari perspektif Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 7(47), 1–12.
- Ramlie, H. A., Hilmi, E. E., Mokhtar, S., & Esa, M. S. (2022). Naratif adat perkahwinan etnik Suluk di daerah Kudat, Sabah. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 7(29), 152–162.
- Saleh, H. (2022). *Perkahwinan berasaskan adat dan budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Akademia.
- Salleh, A. D. (2003). *Perkahwinan dan adat Melayu: Perspektif syariah dan budaya*. Kuala Lumpur: Pustaka Islam.
- Shabuddin, H. (2016). Faktor perceraian dalam masyarakat Melayu Islam. *Jurnal Syariah*, 24(1), 77–95.
- Tengku Luman Sinar. (1978). *Animisme dan Kepercayaan Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tirmizi, M. I. (1998). *Sunan al-Tirmizi* (4/357, no. 1101). Riyadh: Darussalam.
- Wahbah al-Zuhaili, D. (1985). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* (Vol. 1). Damascus: Dar al-Fikr.
- Warren, J. F. (2002). *Adat and custom in Southeast Asian societies*. In *Cultural Traditions in Southeast Asia* (45-62). Routledge.
- Zaidān, M. (1992). *Al-Madkhal ila Fiqh al-Islam*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Zuhaili, W. (2003). *Fiqh al-Islam wa Adillatuhu*. Damascus: Dar al-Fikr.